PERUTUSAN TAHUN BARU 2014
KETUA PENGARAH PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

Bismillahir-Rahmannir-Rahim
Selawat dan Salam Ke Atas Nabi Muhammad SAW

Assallamualaikum Warahmatullahi-wabarakatuh,
Salam Sejahtera;
Salam 1 Malaysia; dan
Salam 1 JPSM

Pertama-tamanya marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran kepada Allah SWT kerana dengan limpah dan rahmatNya kita dapat melalui Tahun 2013 yang lalu dan memasuki Tahun Baru 2014. Selamat Menyambut Tahun Baru 2014 kepada seluruh warga kerja Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM). Mudah-mudahan kedatangan Tahun Baru 2014 ini di sambut dengan satu tekad diri yang kukuh dan dengan niat yang positif untuk kita terus memacu ke hadapan dengan penuh keazaman dan semangat yang kental serta penuh iltizam untuk kita bersama-sama mengharungi cabaran baru di Tahun 2014 dengan melaksanakan pelbagai program dan aktiviti bagi merealisasikan Wawasan JPSM iaitu "Menjadi Agensi Terunggul Dalam Pengurusan Hutan Tropika Secara Berkekalan" di negara ini dan sekali gus juga untuk memastikan sektor Perhutanan bersama-sama mencapai Wawasan Kerajaan Malaysia sebagai Negara Maju menjelang Tahun 2020.

Tahun 2014, merupakan tahun ketiga saya memikul tanggungjawab sebagai Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia. Serentak dengan itu, usia JPSM juga turut bertambah menjangkau 113 tahun pada tahun ini. Sepanjang dua tahun yang lalu, iaitu Tahun 2012 dan Tahun 2013, kita telah bersama-sama menggembeleng segala usaha dan tenaga kita bagi meneruskan agenda JPSM untuk merealisasikan Wawasan murni JPSM tersebut. Pelbagai kejayaan yang telah kita capai di samping kita juga berhadapan dengan pelbagai cabaran. Dalam hubungan ini, adalah sangat penting bagi kita untuk memuhasabah diri, menganalisa pelbagai faktor yang menyumbangkan kepada keadaan ini, menilai kejayaan atau kelemahan pencapaian di masa lalu dan mengambil iktibar serta pengajaran daripadanya untuk kita lebih bersiapsiaga untuk terus maju ke hadapan. Sejak dua (2) tahun yang lalu, saya telah mengajak semua Pegawai Kanan Perhutanan JPSM samada di peringkat Persekutuan dan Negeri untuk mengaplikasikan kaedah pendekatan Analisa SWOT dalam usaha kita untuk memastikan sektor perhutanan terus maju ke hadapan dan kekal relevan serta menyumbangkan kepada pembangunan sosio-ekonomi negara.

Menerusi kaedah pendekatan ini, kita telah dapat menjanakan berbagai tindakan susulan baru JPSM sebagai input penting yang lebih dinamik kepada pelan tindakan strategik JPSM sedia ada dengan harapan ianya mampu mencapai prestasi pencapaian yang lebih membanggakan masa hadapan sektor perhutanan negara.

Mengimbas kembali pencapaian sepanjang Tahun 2013 yang lalu, saya amat bersukacita memaklumkan bahawa pelbagai kejayaan dan pencapaian yang kita perolehi adalah hasil daripada semangat kerjasama yang padu, komitmen yang tinggi dan usaha gigih yang berterusan oleh setiap lapisan warga kerja JPSM samada di peringkat Ibu Pejabat Perhutanan mahupun Jabatan-jabatan Perhutanan Negeri di Semenanjung Malaysia. Dalam hal ini, ucapan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada seluruh warga kerja di atas kejayaan JPSM mencapai penarafan Kerajaan dan kepatuhan JPSM kepada standard sijil piawaian sepanjang tahun 2013. JPSM telah berjaya mengekalkan penarafan 5 bintang bagi laman web rasmi JPSM dalam "Malaysia Government Portals and Websites Assessment (MGPWA) 2013" selama tiga (3) tahun berturut-turut sejak tahun 2011. Seterusnya JPSM juga telah berjaya melonjakkan prestasinya dalam penarafan Indeks Akauntabiliti (AI) oleh Jabatan Audit Negara dari 2 bintang yang diperolehi pada tahun sebelumnya kepada 4 bintang. Pada tahun 2013 juga menyaksikan Pengurusan sistem keselamatan maklumat JPSM telah berjaya disyorkan untuk disijilkan MS ISO/IEC 27001:2007 bagi Information Security Management System (ISMS) oleh pihak SIRIM. Selain itu juga, Ibu Pejabat Perhutanan Semenanjung Malaysia bersama semua kelapan-lapan Unit Pengurusan Hutan (FMU) di Semenanjung Malaysia bukan sahaja telah berjaya memperolehi sijil MS ISO 9001:2008, malah kelapan-lapan FMU ini turut juga berjaya mengekalkan Pensijilan di bawah Malaysian Criteria and Indicator (Natural Forest) selama tiga (3) tahun berturut-turut iaitu sejak tahun 2011 hingga 2013. Tahun lalu juga telah membuktikan kemampuan kita dalam keberhasilan untuk memenuhi pelaksanaan Empat (4) Key Performance Indicator (KPI) JPSM tahun 2013 yang mana keempat-empat KPI ini telah memperolehi 100% pencapaian iaitu pada tahap Sangat Melepasi Sasaran (Significantly Exceed Target). Dalam konteks ini, JPSM telah berjaya melaksanakan sasaran berikut :-

- Mengadakan empat (4) model operasi penguatkuasaan hutan berbanding dua (2) model yang disasarkan bagi KPI 'Pemantapan pendekatan operasi penguatkuasaan di seluruh semenanjung Malaysia menerusi pembangunan model-model operasi penguatkuasaan hutan bagi Semenanjung Malaysia';

- Memperolehi pengiktirafan pematuhan standard piawaian MC&I (Natural Forest) bagi kesemua lapan (8) Negeri (FMUs) di Semenanjung Malaysia;

- Menanam sebanyak 4.3 juta pokok di bawah Kempen Menanam 26 Juta Pokok untuk Semenanjung Malaysia (tidak termasuk Sabah dan Sarawak) iaitu melebihi 30% sasaran penanaman sebenar bagi Tahun 2013; dan

- Meningkatkan tahap pengendalian dan penyelesaian aduan awam secara cepat dan berkesan sehingga melebihi hampir 20% daripada sasasaran sebenarnya.

Amalan Pengurusan Hutan Secara Berkekalan (Sustainable Forest Management, SFM) akan terus kekal menjadi teras pengurusan khazanah hutan kita seiring dengan aspirasi kita untuk merealisasikan Wawasan JPSM. Pelbagai isu baru perhutanan di peringkat setempat dan antarabangsa akan terus kita tangani secara berkesan. Dalam hal ini, kita perlu bertindak pantas secara proaktif seiring juga dengan perubahan mendesak yang sedang berlaku di dalam sektor perkhidmatan awam sedia ada dimana ianya menekankan keperluan untuk memenuhi bukan sahaja ekspektasi pelanggan malah untuk menyampaikan perkhidmatan yang mempunyai nilai tambah (value add) kepada rakyat dengan terus memberikan fokus yang tinggi kepada budaya kerja cemerlang yang mencakupi aspek-aspek inovasi dan kreativiti dengan mendokong enam (6) prinsip utama untuk dihayati dan dibudayakan iaitu CTI (Cepat, Tepat dan Integriti) dan PCI (Productivity, Creativity dan Innovation) yang merupakan Prinsip-prinsip utama yang telah digariskan oleh YAB Perdana Menteri sebagai asas bagi memacu agenda transformasi sektor awam Negara yang mencakupi 'GTP' (Government Transformation Programme) dan 'ETP' (Economic Transformation Programme). Justeru itu, saya amatlah berkeyakinan tinggi bahawa kita boleh mencapai hasrat ini dalam Tahun 2014 dengan meletakkan harapan yang tinggi untuk memastikan pencapaian perlaksanaan Key Performance Indicator (KPI) JPSM bagi Tahun 2014 dilaksana secara berkesan disamping meneruskan pengekalan berbagai penarafan prestasi JPSM oleh Kerajaan. Pencapaian perlaksanaan KPI ini adalah penting dalam mengukur prestasi pencapaian JPSM seiring dengan sasaran untuk mencapai misi utama JPSM iaitu untuk Mengurus dan membangunkan sumber hutan secara berkekalan serta mengoptimumkan sumbangannya kepada pembangunan sosio-ekonomi Negara.

Sehubungan dengan itu, sejumlah tujuh (7) KPI JPSM akan dilaksanakan sepanjang Tahun 2014 ini, sepertimana berikut :-

- Mencapai sejumlah 280 verifier dalam pelaksanaan Pensijilan Pengurusan Hutan berdasarkan Standard Malaysian Criteria and Indicators for Forest Management Certification [MC&I (Hutan Asli)] bagi memastikan khazanah sumber asli ini diurus dan dibangun di bawah amalan Pengurusan Hutan Secara Berkekalan;
- Mencapai 20% peningkatkan bilangan Kertas Siasatan yang di bawa ke Mahkamah sebagai pertuduhan berbanding tahun 2013 dalam membendung kes pembalakan dan pencerobohan hutan haram di Semenanjung Malaysia;

- Mencapai 3.2 juta pokok di bawah pelaksanaan aktiviti menanam pokok di Semenanjung Malaysia di bawah Kempen Menanam 26 Juta Pokok;
- Mencapai sekurang-kurangnya satu (1) Kertas Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) diululuskan untuk pewartaan Kawasan Hutan Sebagai Hutan Simpanan Kekal (HSK) di bawah Akta Perhutanan Negara 1984 (Akta 313);
- Mensasarkan lebih 5 juta pengunjung di bawah program mempromosikan Hutan Lipur dan Hutan Taman Negeri untuk dikunjungi oleh pengunjung sempena Tahun Melawat Malaysia 2014 ;
- Mensasarkan sejumlah 1.5 juta pokok stok tanaman di bawah program pengeluaran Bahan Tanaman Bermutu "Quality Planting Stock" oleh Tapak Semaian Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia"; dan
- Mensasarkan peningkatan sebanyak 5% dalam kecekapan pengendalian aduan awam secara cepat dan berkesan berbanding Tahun 2013.

Saya amat berkeyakinan penuh dengan semangat yang telah kita sama-sama pupuk semenjak saya mula menerajui JPSM sebagai KPPSM, iaitu "Anda Boleh, Saya Boleh, Kita Boleh, JPSM Boleh (You Can, I Can, We Can, JPSM Can). Dengan semangat yang jitu inilah juga, saya terus berkayakinan penuh bahawa KPI KPPSM Tahun 2014 boleh memperolehi 100% pencapaian iaitu pada tahap Sangat Melepasi Sasaran (Significantly Exceed Target), sebagaimana yang telah kita berjaya capai secara berturut-turut semenjak Tahun 2011. Untuk terus menyuburkan semangat ini, saya sering juga mengajak semua warga kerja perhutanan JPSM di setiap lapisan samada di Ibu Pejabat Perhutanan mahupun di Negeri-negeri supaya bersama-sama saya untuk terus menghayati sembilan (9) elemen budaya kecemerlangan, sepertimana yang sering saya war-warkan, iaitu :-

- Fokus kepada kerja (dengan niat yang betul);
- Perkukuhkan Barisan (Organisasi);
- Perkasakan Semangat Berpasukan (Teamwork);
- Tambahkan ilmu Pengetahuan (Life long learning);
- Tingkatkan kemahiran dan kepakaran (skill and knowledge);
- Istiqamah (Consistent);
- Pantas dan Tangkas (Tidak Bertangguh-tangguh);
- Jangan Negatif (Elakkan bersikap negatif); dan
- Positif dan Pro-Aktif (sentiasa Bersikap Positif)

Semoga segala niat suci murni kita semua untuk bersama-sama berkhidmat dengan lebih cemerlang lagi pada tahun 2014 akan sentiasa mendapat hidayah dan keberkatan dari Allah SWT. Adalah menjadi harapan saya juga, semoga segala sumbangan dan sokongan murni serta semangat kental yang kita semua warisi untuk berkhidmat dengan lebih cemerlang di Tahun 2014 akan menjadi satu

kenyataan serta ibadah yang sentiasa memperolehi keberkatan dari Allah SWT, Insya Allah.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi-taufik-walhidayah.
Assallamualaikum Warahmatullahi-wabarakatuh.

(DATO' PROF. DR. HJ. ABD. RAHMAN BIN HJ. ABD. RAHIM)
KETUA PENGARAH PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

AMANATKPPSM-TAHUNBARU2014